

**PRK Kajang ujian litmus untuk lihat MCA masih relevan, kata Liow
Malaysian Insider
Feb 23, 2014
OLEH The Malaysia Insider**

Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang pada 23 Mac ini adalah ujian litmus untuk melihat sama ada MCA masih relevan dalam politik atau tidak selepas ditolak rakyat, khususnya masyarakat Cina.

Namun, presiden barunya, Datuk Seri Liow Tiong Lai (gambar) mengakui cabaran yang bakal dihadapi partinya dalam PRK kali ketiga sejak berakhir pilihan raya umum ke-13 tahun lalu.

Liow berkata, MCA akan berjuang untuk mengembalikan pengaruhnya di kerusi kawasan bandar yang pernah dikuasainya suatu ketika dahulu.

"MCA perlu menjadi lebih kuat untuk hadapi cabaran masa depan.

"Hari ini, pilihan raya kecil Kajang adalah ujian kepada status politik MCA," kata Liow dalam ucapan sempena ulang tahun MCA ke-65 hari ini.

Dilihat sebagai sebuah parti lemah berikutan masalah dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terutamanya ketidakupayaan menandingi dominan Umno dalam Barisan Nasional (BN), menyaksikan MCA hanya memenangi 15 kerusi Parlimen dan 32 kerusi DUN pada pilihan raya umum 2008.

Kemudian, MCA sekali lagi berdepan dengan malu apabila gagal meraih sokongan dalam pilihan raya umum tahun lalu, hanya sekadar memenangi tujuh kerusi Parlimen dan 11 kerusi DUN.

Liow menyedari kelebihan tidak memihak kepada MCA ketika ini tetapi akan cuba berusaha menjelaskan kepada pengundi mengenai pilihan raya yang sengaja diadakan untuk menyelesaikan masalah dalaman parti PKR.

PRK Kajang diadakan susulan peletakan jawatan penyandangannya, Lee Chin Cheh daripada parti PKR.

Sejurus pengumuman tersebut, PKR mengumumkan ketua umum mereka, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai calon dan juga sebagai usaha untuk menggantikan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Liow menuduh PKR lebih berminat untuk merebut kuasa daripada memberikan khidmat terbaik kepada rakyat negeri Selangor selepas diberikan mandat penggal kedua pada 2013 lalu.

"Mereka menggunakan undi yang diberikan oleh rakyat untuk menyelesaikan pertikaian dan konflik dalam parti mereka sendiri, ini menunjukkan sikap mementingkan diri sendiri, sekaligus menghilangkan sokongan rakyat.

"MCA akan tampil mendedahkan wajah sebenar parti ini dengan memberitahu pengundi bahawa pilihan raya kecil ini adalah disebabkan kerana perebutan kuasa peribadi.

"Kami akan memberitahu masyarakat Cina bagaimana pada masa lalu Anwar menindas pendidikan Cina dan memberitahu pengundi mengenai pembohongan mereka, pilihan raya kecil ini adalah sebenarnya dicipta hanya untuk Anwar," katanya.

Liow berkata, berbeza dengan calon MCA di Kajang, Naib Presiden MCA, Datin Paduka Chew Mei Fun kerana beliau adalah seorang "calon berintegriti " dan merayu pengundi untuk memberi MCA peluang.

Beliau berkata, MCA mempunyai pemimpin berbakat dan pemilihan Chew dibuat berdasarkan maklum balas daripada akar umbi.

"Itulah cara kita mengiktiraf kualiti calon, kami percaya kata-kata dan tindakan calon mesti konsisten, berani dan berperikemanusiaan.

"Dalam pilihan raya kecil ini , kita boleh membuktikan kepada masyarakat Cina bahawa MCA adalah parti yang baik dan pembohongan Anwar tidak setanding dengan MCA. MCA penuh dengan keyakinan dalam menghadapi pilihan raya kecil ini dan kami tidak akan menyerah," katanya

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/prk-kajang-ujian-litmus-untuk-lihat-mca-masih-relevan-kata-liow>